



## MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI IKLAN JAWATAN

Permohonan adalah dipelawa kepada Rakyat Negeri Johor atau Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan di **Majlis Daerah Kota Tinggi**.

BIL	JAWATAN	KUMPULAN PERKHIDMATAN	GRED	STATUS	KEKOSONGAN	JADUAL GAJI (MINIMUM – MAKSIMUM)
1.	Penolong Pegawai Undang-Undang	Pelaksana	L29	Kontrak	1	RM1,773.00 – RM5,674.00

### JAWATAN 1 : PENOLONG PEGAWAI UNDANG-UNDANG, GRED L29

- Skim Perkhidmatan : Penolong Pegawai Undang-Undang
  - Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
  - Klasifikasi Perkhidmatan : Perundangan Dan Kehakiman
  - Gred Jawatan : L29

2. Jadual Gaji

: Minima	RM1,773.00
: Maksimum	RM5,674.00
: Kadar Kenaikan Gaji Tahunan	RM 145.00
: Elaun Tetap Perumahan	RM 300.00
: Elaun Tetap Khidmat Awam	RM 160.00
: Elaun Sara Hidup	RM 200.00

3. Syarat Lantikan

- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
  - Warganegara Malaysia
  - Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - Diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred L29 : RM1,773.00); atau
    - Diploma undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred L29 : RM1,847.86)

4. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu

- : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

5. Syarat Peningkatan Secara Lantikan

- : Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Tadbir (Undang-Undang) dan Jurubahasa Gred LA19, LA22, LA26 adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Undang-Undang, Gred L29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :

- Mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); atau
  - Lulus Peperiksaan Khas: dan
- Had umur pelantikan :
  - berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
  - berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau

- (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

#### **CARA MEMOHON**

6. Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan yang boleh didapati di Pejabat Majlis Daerah Kota Tinggi dengan dikenakan bayaran RM1.00 senaskah atau boleh dimuat turun melalui laman web [www.mdkt.gov.my](http://www.mdkt.gov.my) dan bayaran hendaklah dibuat menggunakan kiriman wang pos.
7. Permohonan dari pegawai-pegawai sedang berkhidmat dengan Kerajaan/Penguasa Tempatan/Badan Berkanun hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am Bab "A" Bil.18 di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012.
8. Permohonan hendaklah disertakan dengan salinan-salinan sijil persekolahan (diakui salinan sah), kad pengenalan, dokumen-dokumen sokongan dan sekeping gambar berukuran passport (tidak dikembalikan) dan hendaklah dihantar kepada :-

**YANG DIPERTUA  
MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI  
JALAN PADANG  
81900 KOTA TINGGI, JOHOR DARUL TAKZIM**

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 18 JUN 2020 (KHAMIS)**

9. Pemohon juga hendaklah menyediakan '**Video Resume**' sebagaimana berikut :-
  - 9.1 Berdurasi tidak lebih dari 3 minit.
  - 9.2 Menggunakan suara pemohon sebenar.
  - 9.3 Kandungan video hendaklah merangkumi perkara-perkara seperti di bawah :-
    - 9.3.1 Ringkasan latarbelakang keluarga pemohon.
    - 9.3.2 Ringkasan latarbelakang pendidikan pemohon.
    - 9.3.3 Ringkasan pengalaman kerja pemohon.
    - 9.3.4 Pekerjaan/aktiviti terakhir atau semasa pemohon.
    - 9.3.5 Ringkasan pencapaian/anugerah tertinggi pemohon.
    - 9.3.6 Ringkasan hobi dan kegiatan luar pemohon.
    - 9.3.7 Ringkasan penglibatan pemohon di dalam masyarakat atau 'NGO'.
    - 9.3.8 Ringkasan kelebihan/kesesuaian pemohon dengan jawatan yang dipohon.
    - 9.3.9 Ringkasan matlamat dan perancangan masa depan pemohon.
  - 9.4 Pemohon digalakan menghasilkan 'video resume' yang unik dan kreatif.
  - 9.5 Semua 'video resume' hendaklah dihantar melalui email kepada urusetia di alamat [mdkt@mdkt.gov.my](mailto:mdkt@mdkt.gov.my)
10. Hanya calon-calon yang berkelayakan setelah ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai **tidak berjaya**.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"  
"SEDIA MEMBANTU MUDAH URUSAN"**

Saya yang menjalankan amanah,

**( SAIPOL RAHMAN BIN HAJI AMAT )**  
Yang Dipertua  
Majlis Daerah Kota Tinggi

Tarikh : 01 Jun 2020